

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN Bil. 3 TAHUN 1970

SEKIM PENCHEN BALU DAN ANAK YATIM,  
MALAYSIA BARAT<sup>1</sup>

Ada-lah saya di-arah mema'alumkan bahawa berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk menggulong Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat, semua pegawai<sup>2</sup> yang berkhidmat dan yang menjadi pencharum<sup>2</sup> boleh-lah membuat mana<sup>2</sup> satu daripada dua opsen<sup>2</sup> yang berikut:

Opsen I: boleh terus mencharum sa-lama baki tempoh yang di-tetapkankan itu;

**atau**

Opsen II: berhenti mencharum dan untuk boleh mendapat hak<sup>2</sup> yang telah terakru di-bawah Sekim itu.

**Opsen I**

2. Jika sa-saorang pencharum memilih untuk terus mencharum, potongan<sup>2</sup> akan terus di-buat sa-banyak 4% daripada gaji berpenchen-nya sa-hingga ia telah mencharum sa-lama 35 tahun genap atau sa-hingga ia menchapai umur 65 tahun, mengikut mana yang lebeh awal. Mengikut asas ini, pencharum itu akan menyenggara penchen balu dan anak yatim yang bakal di-terima sa-bagaimana yang di-beritahu oleh pejabat ini pada tiap<sup>2</sup> tahun. Walau bagaimana pun, jika sa-kira-nya gaji berpenchen bagi pegawai itu bertambah atau kurang kemudian-nya maka jumlah penchen balu dan anak yatim yang bakal di-terima itu akan bertambah atau kurang mengikut mana yang berkenaan.

**Opsen II**

3. Jika sa-saorang pencharum memilih untuk berhenti mencharum, maka balu-nya dan/atau anak-nya yang berumur pada-peringkat-boleh-menerima-penchen (di-bawah 21 tahun) akan berhak menerima suatu penchen balu dan anak yatim apabila pencharum itu mati, yang di-kira berasaskan bunga yang di-perolehi oleh pegawai itu saperti pada tarikh ia berhenti mencharum mengikut jadual<sup>2</sup> dan kaedah<sup>2</sup> yang terkandung dalam Enakmen Balu dan Anak Yatim (N.M.B. Bab 26). Opsen ini akan mengakibatkan kesusutan bagi penchen balu dan anak yatim yang kena di-bayar. Susutan itu ia-lah sa-banyak hasil yang di-dapati dengan mendarabkan charum tahunan yang telah di-buat oleh pencharum itu dengan suatu faktor yang di-dapati ber-setentangan dengan umur suami pada harijadi kemudian-nya dan dengan umur isteri-nya pada tarikh pencharum itu berhenti mencharum ia-itu sa-bagaimana yang di-peruntukkan dalam jadual<sup>2</sup> dan kaedah<sup>2</sup> yang terkandung dalam Enakmen itu.

4. Jika sa-saorang pencharum memilih untok berhenti mencharum di-bawah syarat<sup>2</sup> pekeliling ini, maka ia akan berhenti mencharum mula<sup>2</sup> dari satu haribulan dalam bulan kedua sa-lepas tarikh opsen-nya di-terima oleh Ketua Jabatan yang berkenaan bagi pehak Pengarah<sup>2</sup> Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim. Mithal-nya, jika sa-suatu opsen di-terima oleh Ketua Jabatan dalam bulan Jun, 1970, maka pencharum yang berkenaan akan berhenti mencharum mula<sup>2</sup> dari 1hb Ogos, 1970.

5. Jika sa-saorang pencharum yang memilih untok berhenti mencharum itu ada-lah beristeri atau ada-lah sa-orang duda dengan mempunyai anak yang berumor pada-peringkat-boleh-menerima-penchen maka balu-nya dan/atau anak-nya yang berumor pada-peringkat-boleh-menerima-penchen akan berhak menerima penchen susutan balu dan anak yatim apabila ia mati.

6. Jika sa-saorang pencharum ada-lah sa-orang bujang atau sa-orang duda dengan tiada mempunyai anak yang berumor pada-peringkat-boleh-menerima-penchen memilih untok berhenti mencharum, maka hak<sup>2</sup>-nya di-bawah Enakmen itu akan terhenti dan ia akan berhak mendapat balek :

(a) jika sa-orang bujang, semua charum yang telah di-bayar oleh-nya beserta bunga berganda yang di-kira berasaskan hitungan<sup>2</sup> tahunan sa-banyak 2½% sa-tahun; atau

(b) jika sa-orang duda dengan tiada mempunyai anak yang berumor pada-peringkat-boleh-menerima-penchen, jumlah semua charum yang telah di-bayar oleh-nya semenjak mati isteri-nya yang akhir atau semenjak anak-nya yang akhir telah melebihi had<sup>2</sup> peringkat-boleh-menerima-penchen, mengikut mana satu yang berlaku kemudian, beserta bunga berganda yang di-kira berasaskan hitungan tahunan sa-banyak 2½% sa-tahun.

### **Membuat Opsen**

7. Ketua<sup>2</sup> Jabatan ada-lah di-minta membawa kandungan pekeliling ini kepada perhatian semua pencharum yang berkhidmat dalam Jabatan<sup>2</sup> mereka. Mereka juga ada-lah di-minta menentukan supaya tiap<sup>2</sup> sa-orang pencharum di-beri dua naskhah Borang Opsen (Proforma "S") yang di-sertakan dan juga mendapatkan akuan-terima daripada pencharum yang berkenaan. Kedua<sup>2</sup> salinan Borang Opsen itu hendak-lah di-isi oleh pencharum yang berkenaan dan di-kembalikan kepada Ketua Jabatan-nya yang akan mengaku-terima borang<sup>2</sup> itu. Salinan asal Borang Opsen itu hendak-lah di-hantar oleh Ketua Jabatan terus kepada Setia-usaha, Sekim Penchen Balu dan Anak Yatim, Malaysia Barat, dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas Bahagian II di-isi. Salinan yang kedua hendak-lah di-simpan oleh Ketua Jabatan yang akan merekodkan opsen yang telah di-buat oleh pencharum itu dalam Rekod Perkhidmatan-nya. Potongan<sup>2</sup> hendak-lah terus di-buat dari gaji sa-saorang pencharum sa-bagaimana di-tetapkan dalam Perintah Am 4 dan 5 dalam Bab G sa-hingga dan melain-kan ia telah membuat opsen-nya sa-bagaimana di-nyatakan di-atas.

8. Jika sa-saorang pencharum telah memilih untok berhenti mencharum, Ketua Jabatan-nya hendak-lah menghantar Pemberitahu Perubahan sa-bagaimana biasa dengan segera kepada Akauntan

Negara, atau Akauntan bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, atau Akauntan bagi Negeri, mengikut mana yang berkenaan. Untuk menentukan supaya charuman dapat di-berhentikan pada masa di-tentukan Pemberitahu Perubahan yang sa-demikian mesti-lah sampai kepada pehak berkuasa perakaunan sa-lewat<sup>2</sup>-nya pada 20 haribulan dalam bulan terdahulu daripada bulan di-mana charuman itu di-berhentikan. Mithal-nya, jika sa-suatu opsen untuk berhenti mencharum di-terima oleh Ketua Jabatan dalam bulan Jun, 1970, dan dengan itu pemberhentian charuman berkuatkuasa pada 1hb Ogos, 1970, sa-bagaimana di-terangkan dalam perenggan 4 di-atas, Pemberitahu Perubahan hendak-lah sampai kepada pehak berkuasa perakaunan sa-lewat<sup>2</sup>-nya pada 20hb Julai, 1970.

9. Saya menegaskan bahawa opsen yang sekarang terbuka kepada sa-saorang pegawai yang mencharum yang berkhidmat mesti-lah di-buat pada atau sa-lepas daripada 15hb Jun, 1970, tetapi dalam tiap<sup>2</sup> kes tidak lewat daripada 14hb September, 1970. Sa-suatu opsen yang di-buat sa-lepas tarikh ini TIDAK akan sah. Sa-felah sahaja sa-suatu opsen di-buat, maka opsen itu TIDAK BOLEH DI-BATALKAN dan apa<sup>2</sup> permohonan atau rayuan untuk membatalkan sa-suatu opsen yang telah di-buat oleh pegawai itu tidak akan di-layani. Jika tiada apa<sup>2</sup> opsen di-buat oleh pencharum itu pada atau sa-belum 14hb September, 1970, ia akan di-anggap sa-bagai telah membuat opsen untuk terus mencharum (ia-itu Opsen I) dan untuk boleh mendapat hak<sup>2</sup> di-bawah Sekim itu.

#### **Pencharum Orang Penchen**

10. Suatu surat pekeliling yang berasingan akan di-hantar oleh pejabat ini kepada semua pencharum yang telah bersara mulai dari 15hb Jun, 1970.

TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN SYED HASSAN,  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
RUMAH PERSEKUTUAN,  
KUALA LUMPUR,  
29hb Mei, 1970.

---

CATATAN:

<sup>1</sup> Sila rujuk Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/70 bertarikh 29hb Mei, 1970.